



NOTIS MAKLUMAN

PENAMBAHBAIKAN KRITERIA BAGI PENGGAJIAN PEKERJA ASING SEKTOR PERKHIDMATAN RESTORAN.

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selaku Agensi Kawal Selia (AKS) bagi sektor perkhidmatan restoran telah bersetuju melaksanakan penambahbaikan kriteria permohonan pekerja asing bagi sektor berkenaan.

2. Penambahbaikan tersebut merangkumi perkara berikut:

- 2.1 Jawatan baharu **Krew Restoran** diwujudkan sebagai tambahan kepada jawatan tukang masak; dan
- 2.2 **Nisbah 1:3 pekerja tempatan kepada pekerja asing** ditetapkan sebagai kriteria pertimbangan asas dalam pengiraan kelayakan.

3. **Skop tugas krew restoran** adalah menyediakan dan memasak makanan atau minuman yang melibatkan proses penyediaan yang ringkas dan bahan-bahan yang sedikit. Krew restoran juga boleh mengambil pesanan dari pelanggan dan menghidang di kaunter makanan atau meja makan. Skop tugas **tukang masak** pula ialah merancang, mengatur, menyediakan dan memasak makanan di restoran.

4. Selain itu, pekerja asing juga dibenarkan untuk melaksanakan tugas-tugas pembersihan dan tugas-tugas am di restoran manakala **tugas sebagai juruwang atau bertaraf penyelia adalah TIDAK DIBENARKAN.**

5. **Pengiraan nisbah kelayakan** akan dibuat berdasarkan jumlah pekerja tempatan yang didaftarkan dalam penyata Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) syarikat atau entiti perniagaan dan jumlah pekerja asing aktif yang direkodkan dalam Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMS).
6. Majikan yang ingin memohon pekerja asing dalam sektor ini hendaklah membuat permohonan seperti biasa secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan jumlah perjawatan yang dipohon sama ada tukang masak atau krew restoran boleh ditentukan oleh majikan berdasarkan kelayakan semasa proses temuduga bersama panel KPDNHEP di *One Stop Centre* (OSC) Kementerian Dalam Negeri (KDN).
7. Bagi Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing sedia ada sektor restoran yang dikelaskan sebagai jawatan tukang masak sebelum ini, buat masa ini jawatan tersebut dikekalkan dalam PLKS pekerja. Sekiranya terdapat sebarang perubahan, perkara tersebut akan dimaklumkan kelak.
8. Pelaksanaan penambahbaikan seperti di para 2 adalah **berkuatkuasa secara serta merta**.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

29 JULAI 2019